

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 27 OKTOBER 2015 (SELASA)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	R&D teknologi nuklear capai 10 peratus akhir tahun	Utusan Malaysia
2.	Lebih banyak produk penyelidikan dikomersial menjelang 2020	Berita Harian
3.	Dr Marcus, Takiyuddin antara lima muka baharu PAC	BERNAMA
4.	Lafarge pertimbangkan buka semula kilang di Sabah, Sarawak	Utusan Malaysia
5.	Lafarge tiada masalah buka semula kilang di Sabah, Sarawak	Kosmo
6.	Saran Lafarge buat kajian bina konkrit lebih kukuh	Sinar Harian
7.	Cabaran Sains	Utusan Malaysia
8.	Musim tengkujuh akhiri jerebu	Utusan Malaysia
9.	Pahang, Johor bakal dilanda banjir	Kosmo
10.	Kuala Krai kini bersiap sedia hadapi kemungkinan banjir - Polis	BERNAMA
11.	Gempa bumi kuat landa Wilayah Hindu Kush, Afghanistan	BERNAMA
12.	Ketampakan rendah kurang 5km dijangka berterusan sehingga esok	BERNAMA
13.	Families living in fear	The Star
14.	Ministry up in arms over bogus school closure notices	Malay Mail

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (BAJET 2016) : MUKA SURAT 06
TARIKH: 27 OKTOBER 2015 (SELASA)



MADIUS TANGAU (dua dari kanan) mendengar penerangan mengenai kabel hasil penyelidikan **Agensi Nuklear Malaysia (ANM)** daripada **Ketua Pegawai Teknikal Proton Holding Berhad, Abdul Rashid Musa** (kanan) sambil diperhatikan oleh **Ketua Pengarah ANM, Dr. Muhamad Lebai Juri** (kiri) dalam majlis perasmian *Technology Preview and Showcase ANM 2015* di Bangi, semalam. - **UTUSAN/SAIFUL BAHARI ASHARI**

R&D teknologi nuklear capai 10 peratus akhir tahun

KUALA LUMPUR 26 Okt. - Kerajaan optimis aktiviti pembangunan dan penyelidikan (R&D) dalam bidang sains dan teknologi nuklear bagi penghasilan produk mampu mencapai sasaran pada kadar 10 peratus menjelang hujung tahun ini.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Madius Tangau berkata, sasaran berkenaan semakin jelas terutamanya apabila kerajaan memperuntukkan RM1.5 bilion untuk meningkatkan produktiviti, inovasi dan teknologi hijau melalui Bajet 2016.

"Nadi penggerak yang memainkan peranan penting bagi bidang ini adalah **Agensi Nuklear Malaysia (ANM)** yang kini telah memberi manfaat perkhidmatan saintifik kepada lebih 6,000 pelanggan yang terdiri daripada agensi kerajaan dan swasta.

"Selain itu, perkhidmatan saintifik yang dijalankan oleh agensi ini telah menjana pendapatan tahunan berjumlah sekitar RM13 juta sepanjang tempoh 2009 sehingga 2014," katanya dalam sidang akhbar sempena perasmian *Technology Preview And Showcase ANM 2015* di Bangi dekat sini, hari ini.

Terdahulu, Madius merasmikan program yang menggabungkan beberapa aktiviti utama iaitu seminar pengkomersialan dan pemindahan teknologi, seminar harta intelek (IP), pertandingan inovasi penyelidikan ANM, pameran produk dan khidmat serta IP Showcase.

Selain itu, beliau turut menjadi saksi kepada upacara menandatangani memorandum perjanjian (MoA) antara ANM dengan 16 syarikat yang berpotensi membangun

kan industri nuklear negara.

Yang turut hadir, **Ketua Pengarah ANM, Datuk Dr. Muhamad Lebai Juri** dan **Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) Kementerian tersebut, Datuk Dr. Mohd. Azhar Yahaya.**

Tambah Madius, peruntukan Bajet 2016 itu dapat memastikan kesinambungan agenda sains, teknologi dan inovasi negara khususnya melalui Program Pengkomersialan MOSTI (MCY) yang telah dilancarkan tahun lalu.

"Kementerian akan menggunakan peruntukan yang ada bagi menyambung hasrat kerajaan dalam Bajet 2015 apabila Perdana Menteri, **Datuk Seri Najib Tun Razak** menetapkan sasaran pengkomersialan 360 produk R&D berimpak tinggi menjelang tahun 2020 dan setakat ini, lapan peratus telah berjaya dicapai," katanya.

Lebih banyak produk penyelidikan dikomersial menjelang 2020

Bangi: Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) akan memberi tumpuan kepada usaha memperkasakan aspek komersial produk penyelidikan dan pembangunan (R&D) institusi penyelidikan tempatan menerusi peruntukan RM1.5 bilion.

Menterinya, Datuk Seri Madius Tangau, berkata peruntukan itu mampu meningkatkan tambahan sasaran komersial sebanyak 10 peratus berbanding 360 produk R&D berimpak tinggi menjelang tahun 2020.

Beliau berkata, kementerian akan melaksanakan langkah yang bersesuaian dan memperkemarkan definisi komersial supaya sasaran dapat dicapai dengan menjadikan penanda aras negara maju.

Capai sasaran 10 peratus

"Kita akan meningkatkan usaha bagi mencapai sasaran 10 peratus dan sehingga hari ini, pencapaian hanya lapan peratus. Akan tetapi kita ber-



Madius (tengah) meneliti produk yang dipamerkan sempena Pameran dan Pratonton Teknologi Agensi Nuklear Malaysia 2015 di Bangi, semalam.
[FOTO MUHD ASYRAF SAWAL/BH]

keyakinan dengan pengisytiharan Tahun Pengkomersialan Malaysia 2016, ia akan dicapai.

"Saya yakin aktiviti pemindehan teknologi dan pengkomersialan akan dapat ditingkatkan melalui kerjasama erat antara Agensi Nuklear Malaysia dan institusi penyelidikan

lain dengan universiti serta industri bagi menghasilkan produk R&D yang mempunyai nilai komersial dan memenuhi kehendak pasaran," katanya kepada media selepas merasmikan Pameran dan Pratonton Teknologi Agensi Nuklear Malaysia 2015 di sini, semalam.

Program selama empat hari bermula semalam itu, bertujuan menemukan warga penyelidik dengan wakil industri, pelanggan, pelajar dan orang ramai agar dapat berinteraksi antara satu sama lain mengenai hasil R&D yang berpotensi untuk dikomersialkan.



Dr Marcus, Takiyuddin Antara Lima Muka Baharu PAC

KUALA LUMPUR, 26 Okt (Bernama) -- Anggota Parlimen Putatan Datuk Dr Marcus Mojigoh dan anggota Parlimen Kota Bharu Datuk Takiyuddin Hassan antara lima yang dilantik sebagai anggota Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) yang baharu.

Menurut Penyata Khas Jawatankuasa Pemilih Dewan Rakyat yang diedarkan di dalam dewan hari ini, Dr Marcus dilantik bagi menggantikan [Datuk Madius Tangau \(BN-Putatan\), yang juga Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi.](#)

Beliau merupakan antara empat anggota PAC dari Barisan Nasional (BN) yang dilantik bagi menggantikan empat anggota PAC dari parti itu yang dilantik sebagai timbalan menteri susulan rombakan kabinet pada 29 Julai lepas.

Tiga yang lain ialah Datuk Ahmad Hamzah (BN-Jasin) yang menggantikan Datuk Mas Ermieyati Shamsudin yang dilantik sebagai Timbalan Menteri Pelancongan dan Kebudayaan; Datuk Ir Nawawi Ahmad (BN-Langkawi) yang menggantikan Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican yang kini Timbalan Menteri Luar Negeri dan Datuk Datuk Koh Nai Kwong (BN-Alor Gajah) menggantikan Datuk Chua Tee Yong yang dilantik Timbalan Menteri Kewangan.

Jawatankuasa Pemilih turut melantik Datuk Takiyuddin Hassan (Pas-Kota Bharu) yang menggantikan Datuk Kamaruddin Jaafar yang kini telah menyertai PKR.

-- BERNAMA

Lafarge pertimbangkan buka semula kilang di Sabah, Sarawak

KUALA LUMPUR 26 Okt. - Lafarge Malaysia Bhd. (Lafarge Malaysia) akan mempertimbangkan untuk membuka semula kilang konkrit di Sabah dan Sarawak pada masa depan jika terdapat peluang untuk terlibat dalam projek mega di negeri berkenaan.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Thierry Legrand berkata, pihaknya tidak menolak kemungkinan untuk terlibat dalam Lebuhraya Pan Borneo yang melibatkan penggunaan simen dan konkrit.

Namun begitu, Lafarge buat masa ini tidak terlibat dengan mana-mana kontraktor yang membiada projek terbabit, katanya.

"Lebuhraya Pan Borneo melibatkan pembinaan jalan yang panjang. Jadi kami berharap terdapat sebahagian daripada lebuhraya tersebut yang akan melibatkan penggunaan simen dan konkrit.

"Ketika ini, penggunaan konkrit dalam pembinaan jalan raya di negara ini adalah dua hingga tiga peratus," katanya.

Beliau berkata demikian selepas majlis penyampaian sijil ISO 14001:2004 kepada Lafarge Malaysia oleh SIRIM QAS International Bhd. di sini hari ini.

Yang turut hadir, Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah dan Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif SIRIM Bhd., Datuk Dr. Zainal Abidin Mohd. Yusof.

Lebuhraya tersebut merupakan pembangunan infrastruktur bertaraf dunia dengan panjang 2,300



ABU BAKAR MOHAMAD (dua kiri) menyaksikan penyampaian Sijil ISO 14001 oleh Zainal Abidin Mohd. Yusof (kiri) kepada Thierry Legrand di Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/IRWAN MAJID

kilometer bermula di Sematan, Lundu hingga ke Serudong, Sabah.

Lafarge sebelum ini mempunyai tiga kilang konkrit di Malaysia Timur bagaimanapun telah ditutup.

Sementara itu, mengulas mengenai penggabungan Lafarge Malaysia dengan Holcim Malaysia Sdn. Bhd. (HMSB), Legrand berkata, syarikat tersebut akan mengadakan Mesyuarat Agong Luar

Biasa (EGM) pada 6 November ini bagi mendapatkan persetujuan mengenai perkara terbabit.

Holcim Malaysia yang berpangkalan di Johor mempunyai sebuah kilang pemprosesan, sebuah kuari dan enam kilang konkrit.

"Dengan penggabungan ini, ia akan mengukuhkan lagi kedudukan kami sebagai peneraju dalam pengeluaran simen dan konkrit di Malaysia," ujarnya.

Lafarge tiada masalah buka semula kilang di Sabah, Sarawak

Oleh NOR SYARIZA MUHD. TAHIR

KUALA LUMPUR - Lafarge Malaysia Bhd. (Lafarge) tidak menolak kemungkinan untuk menjalankan semula operasi kilang konkritnya di Sabah dan Sarawak jika terdapat potensi untuk melaksanakan projek berskala besar di negeri-negeri itu.

Naib Presiden Bahagian Konkritnya, Rick Pucci berkata, ini kerana keputusan untuk membuka sesebuah kilang konkrit dibuat berasaskan kepada projek yang akan dilaksanakan.

"Sebuah kilang konkrit perlu dibuka berhampiran dengan kawasan projek disebabkan jangka hayat bancuhan konkrit yang mampu bertahan selama dua jam.

"Jika terdapat mana-mana projek berskala besar yang akan diambil bahagian, kami tidak mempunyai sebarang masalah untuk membuka kilang konkrit di sana bagi membekalkan bahan-bahan berasaskan konkrit untuk tujuan pembinaan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada majlis penerimaan sijil ISO 14001: 2004 oleh Sirim QAS International Sdn. Bhd. bagi kilang konkrit sedia campurnya di Jalan Chan Sow Lin dekat sini semalam.

Turut hadir Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad



ZAINAL ABIDIN (kiri) menyerahkan sijil kepada Legrand (dua dari kanan) sambil disaksikan oleh Abu Bakar (dua dari kiri) dan Pucci di Kuala Lumpur semalam.

Diah, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Lafarge, Thierry Legrand serta Presiden dan Ketua Eksekutif Sirim Bhd., Datuk Zainal Abidin Mohamad Yusof.

Lafarge sebelum ini pernah menjalankan operasi bagi tiga kilang konkritnya di Sabah dan Sarawak, namun telah menghentikan operasi tersebut.

Dalam pada itu, ditanya mengenai perancangan syarikat untuk mengambil bahagian dalam projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak, Legrand berkata, buat masa ini syarikat tidak be-

kerjasama dengan mana-mana kontraktor untuk membida atau terlibat sama dalam pembinaan projek tersebut.

"Bagaimanapun, jika terdapat keperluan untuk menggunakan bahan berasaskan konkrit pada mana-mana bahagian di lebuhraya tersebut, kami bersedia untuk mengambil bahagian," ujarnya.

Lebuhraya Pan Borneo Sarawak yang meliputi kawasan sepanjang 1,090 kilometer dan dijangka siap pada tahun 2021.

Saran Lafarge buat kajian bina konkrit lebih kukuh

SYARIKAT pembinaan Lafarge Malaysia Berhad (Lafarge Malaysia) disaran membuat kajian untuk membina konkrit lebih kukuh.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah berkata, kajian mengenai perkara itu agak kurang dijalankan.

"Pada masa kini, rakyat di negara ini semakin peka dengan penggunaan bahan untuk membina bangunan ataupun infrastruktur menggunakan bahan yang tahan lama.

"Saya berpendapat bahawa konkrit adalah bahan



Zainal Abidin (kiri) menyerahkan sijil ISO 14001 kepada Thierry sambil disaksikan Abu Bakar (dua, kiri), semalam.

yang kuat untuk mengukuhkan infrastruktur. Justeru itu,

saya berharap, satu kajian mendalam mengenai kon-

krit boleh dilakukan di negara ini," katanya selepas Majlis Penganugerahan ISO 14001 kepada Lafarge Malaysia di Kuala Lumpur, semalam.

Anugerah ISO itu disampaikan Presiden Institut Piawaian Penyelidikan Perindustrian Malaysia (Sirim), Datuk Dr Zainal Abidin Mohamad Yusof kepada Presiden Lafarge Malaysia, Thierry Legrand.

Abu Bakar meminta Lafarge Malaysia menerajui kajian itu memandangkan status syarikat sebagai syarikat pengeluar simen terbanyak di dunia.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (ALBUM HARI INI) : MUKA SURAT 02
TARIKH: 27 OKTOBER 2015 (SELASA)



CABARAN SAINS

TIMBALAN Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah (tengah) bersama Presiden Akademi Sains Malaysia, Tan Sri Dr. Ahmad Tajuddin Ali (berdiri, empat dari kiri); Presiden dan Pengerusi Exxonmobil Subsidiaries Malaysia, See Kok Yew (berdiri, empat dari kanan) dan Pengarah Agensi Sains dan Tekonologi Jepun, Masaki Sato (berdiri, tiga kanan) bersama para pemenang Cabaran Sains Kebangsaan 2015 di Dewan Matrade, Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/SAIFUL BAHARI ASHARI

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 14
TARIKH: 27 OKTOBER 2015 (SELASA)

Musim tengkujuh akhiri jerebu

KUALA LUMPUR 26 Okt. - Masalah jerebu yang melanda negara sejak pertengahan bulan lalu dijangka berakhir seiring dengan musim tengkujuh atau monsun Timur Laut yang bermula bulan depan.

Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia, Datuk Che Gayah Ismail berkata, dalam tempoh November hingga Mac tahun depan, angin monsun tersebut akan bertiup secara berterusan merentasi Laut China Selatan sekali gus menghalang jerebu rentas sempadan.

Menurut beliau, sepanjang musim tengkujuh kali ini, negara dijangka mengalami sekitar empat episod hujan lebat yang menyeluruh selama tiga hingga lima hari bermula pada awal minggu pertama November.

"Angin monsun Timur Laut akan menolak asap kebakaran hutan dari Indonesia untuk sampai ke sini dan seterusnya menghalang jerebu rentas sempadan.

"Episod hujan lebat dalam ne-



CHE GAYAH ISMAIL



HALIMAH HASSAN

gara pula boleh mengakibatkan kejadian banjir di negeri-negeri Pantai Timur pada November hingga Januari dan barat Sarawak pada Januari hingga Februari," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Tambah Che Gayah, fenomena El Nino berintensiti kuat ketika ini dijangka mengurangkan risiko banjir besar seperti yang dialami semasa musim tengkujuh tahun lalu.

Sementara itu, menurut Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS), Datuk Halimah Hassan, tiupan angin monsun Timur Laut

yang sudah bermula akan mengakhiri isu jerebu dalam negara yang berlanjutan hampir dua bulan.

"Sepanjang tempoh ini cuaca dijangka menjadi lebih lembap dengan hujan serta ribut petir yang akan berlaku di kebanyakan tempat di seluruh negara pada lewat petang dan awal malam.

"Hari ini juga kualiti udara di seluruh negara dilaporkan semakin baik dengan hanya satu kawasan merekodkan bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) tidak sihat," katanya.

Menurut portal JAS, sehingga pukul 4 petang ini, hanya Pasir Gudang, Johor mencatatkan bacaan IPU melebihi 100 iaitu 106.

Selain itu, 32 kawasan lagi berada pada bacaan sederhana dan 18 kawasan lain mencatatkan bacaan pada tahap kualiti udara baik.

KERATAN AKHBAR
KOSMO (NEGARA) : MUKA SURAT 14
TARIKH: 27 OKTOBER 2015 (SELASA)

Bah turut diramal berlaku di Sarawak ekoran fenomena El Nino
Pahang, Johor bakal dilanda banjir

Oleh SITI AMINAH MOHD. YUSOF

KUALA LUMPUR—Fenomena El Nino akan menyebabkan musim monsun timur laut di negara ini menjadi lebih panjang iaitu sekitar 150 hari berbanding 130 hari sebelum ini.



CHE GAYAH

Keadaan itu akan mempengaruhi taburan hujan menyebabkan hujan lebat melebihi kadar normal diramal melanda Pahang Timur dan sebahagian Johor sehingga boleh menyebabkan banjir berlaku di negeri-negeri itu.

Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia, Datuk Che Gayah Ismail berkata, tempoh monsun timur laut lebih panjang itu akan menyebabkan hujan lebat dijangka berlaku pada awal minggu pertama bulan November ini.

“Musim tengkujuh akan berakhir Mac tahun depan. Sepanjang tempoh itu negara dijangka mengalami sekitar empat siri hujan lebat selama tiga hingga lima hari yang boleh mengakibatkan banjir di negeri Pantai Timur terutama Kelantan dan Terengganu pada November hingga Januari depan.

“Banjir di Kelantan dan Terengganu itu dijangka tidak seburuk seperti pada tahun lalu. Namun, tinjauan kami turut mendapati, data ramalan cuaca di Pahang dan Johor menunjukkan pola hujan lebat melebihi 20 hingga 30 peratus daripada pa-



FENOMENA El Nino yang menyebabkan musim timur laut menjadi lebih panjang akan turut mengakibatkan sebahagian Johor dilanda banjir pada tahun ini. — Gambar hiasan

ras biasa,” katanya kepada pemberita di sini semalam.

Beliau berkata demikian selepas berucap pada Bengkel Bersepadu ke-10 bertajuk *Strategi Inovatif Meningkatkan Kualiti Hidup Penduduk Dalam Menangani Impak Taufan* anjuran Suruhanjaya Ekonomi dan Sosial Asia Pasifik dan Organisasi Meteorologi Dunia.

El Nino yang bermula sejak Mac lalu merupakan fenomena cuaca yang tidak menentu dan menyebabkan suhu di Lautan Pasifik meningkat sehingga membawa hujan lebat di beberapa bahagian di dunia dan kemarau di tempat lain.

Che Gayah berkata, banjir turut diramal melanda barat Sarawak pada Januari hingga Februari tahun depan.

Sementara itu, beliau berkata, masalah jerebu dijangka beransur pulih berikutan peralihan



KERATAN Kosmo! 8 Mei 2014.

angin monsun dari arah timur laut dan Laut China Selatan yang bermula semalam.

Menurutnya, walaupun kebakaran hutan di Sumatera dan Kalimantan dilaporkan masih berlarutan namun angin monsun timur laut akan menolak jerebu daripada memasuki negara ini.

“Angin monsun timur laut yang biasanya bermula awal November hingga Mac dari Laut China Selatan akan menolak jerebu ke arah berlawanan dan dijangka membawa sisa jerebu itu ke Lautan Hindi,” katanya.



Kuala Krai Kini Bersiap Sedia Hadapi Kemungkinan Banjir - Polis

KUALA KRAI, 26 Okt (Bernama) -- Daerah ini kini bersiap sedia untuk menghadapi kemungkinan berlaku bencana banjir tahun ini.

Ketua Polis Kuala Krai, Supt Abdullah Roning, berkata persiapan menghadapi banjir telah dibuat sejak awal tahun, berikutan daerah ini antara jajahan paling teruk dilanda banjir pada akhir tahun lepas.

"Kami telah adakan dua mesyuarat penyelarasan bersama dengan agensi lain yang terlibat dengan bencana banjir," katanya ketika dihubungi di sini Isnin.

Abdullah berkata antara agensi terbabit ialah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Kesihatan, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Pengairan dan Saliran dan [Jabatan Meteorologi](#).

"Kami juga telah memberi latihan kepada anggota polis dan pasukan penyelamat lain dalam mengendalikan bot enjin sangkut bagi tujuan menyelamatkan dan menghulurkan bantuan kepada mangsa banjir," katanya.

Katanya pelbagai kenderaan dan peralatan akan digunakan dalam usaha membantu mangsa banjir.

-- BERNAMA

BERITA ONLINE
BERNAMA.COM
TARIKH: 27 OKTOBER 2015 (SELASA)



Gempa Bumi Kuat Landa Wilayah Hindu Kush, Afghanistan

KUALA LUMPUR, 26 Okt (Bernama) -- Gempa bumi kuat dengan magnitud 7.7 pada skala Richter melanda wilayah Hindu Kush, Afghanistan pada 5.09 petang ini.

Jabatan Meteorologi Malaysia dalam kenyataan berkata gempa berkenaan tidak mencetuskan ancaman tsunami kepada Malaysia.

-- BERNAMA



Ketampakan Rendah Kurang 5 Km Dijangka Berterusan Sehingga Esok

KUALA LUMPUR, 26 Okt (Bernama) -- Ketampakan rendah kurang daripada lima kilometer di sekitar perairan Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Pahang, Terengganu dan Kelantan dijangka berterusan sehingga esok.

Jabatan Meteorologi dalam kenyataan di sini Isnin memaklumkan, keadaan itu berbahaya kepada kapal-kapal yang tidak mempunyai sistem navigasi pelayaran.

Kawasan lain yang turut menghadapi masalah ketampakan serupa ialah sekitar perairan Phuket, Selat Melaka, Samui, Tioman dan Bunguran.

-- BERNAMA

Families living in fear

Being prepared:
Kedah Fire and Rescue Department personnel inspecting boats and jet skis at the state headquarters in Alor Setar.



Kelantan residents worry nightmare will repeat as monsoon nears

GUA MUSANG: The north-east monsoon season is here, with the first of the heavy rains expected in a week. And for thousands of people of Kelantan, the old nightmare is looming again.

Last December, the worst floods in living memory hit the state, leaving thousands stranded. Even district office and disaster committees became flood victims and were unable to do anything to help the victims.

More than 100,000 people in 12 districts were displaced with Pasir Mas, Kuala Krai, Gua Musang and Kota Baru the worst hit areas.

In Bandar Utama, many families are now living in fear.

At least 14 families are still living in tents after the December rains swept away some 200 homes in Gua Musang.

"I am afraid whenever it rains. It reminds me of what happened last year," said 51-year-old Ramlah

Ismail, who lives in a tent.

"It is still fresh in my mind. I don't think these tents will hold when the storms come."

At the same time, she is glad the families haven't yet moved to the new homes that were promised by the state and Federal governments.

Those homes are on lower ground some 5km away and could be devastated again by another big flood.

"It could be a blessing in disguise. There is no guarantee that those houses won't be flooded," she said.

She said she was not angry with the authorities for taking so long to build the new houses, even though the tents are in bad shape now.

"Almost all have rips after being under the sun and plastic sheets had to be put over them to keep the water out," she said, adding that she was just glad to be on higher ground.

Ku Amran Ku Mat, 49, another

flood victim staying in the tent colony, is unhappy that the promise to have the replacement houses ready within four months was not kept.

"We have been living in tents for months. I am worried about this coming rainy season," he said.

"Maybe, it is best the authorities try and build our new homes in a flood-free area," he said.

"I don't mind waiting, I don't want to go through what I did last year."

"I am sure everyone here feels the same," he said.

Of about 200 families whose houses were destroyed last year, 127 families have been living in the National Service camp in Gua Musang.

But they will have to move out in December before the trainees for the January intake arrive.

The building of new houses for hundreds of flood victims is progressing slowly.

Some 100 houses have been built by the state and Federal governments, and the figure is not inclusive of houses built and completed by non-governmental organisations like Buddhist associations, Mercy Malaysia and individuals.

However, many of these houses are built on 2.5m stilts. A huge flood could leave them stranded in their homes with no way out until rescue arrives.

Many of the flood victims are also reluctant to move to Kampung Telekung, about 30km from Kuala Krai town where they work and have their business.

The Meteorological Department issued a press statement yesterday saying that the monsoon season had started and that the first heavy rains were expected early next week.

However, it said the El Nino phenomenon would reduce the risk of heavy rain and extreme flooding.

Ministry up in arms over bogus school closure notices

By Anith Adilah
anith@mmail.com.my

KUALA LUMPUR — The Education Ministry is seeking assistance from the Malaysian Communications and Multimedia Commission to stop tampered school closure notices from being spread online.

Education Minister Datuk Seri Mahdzir Khalid yesterday said they were also looking at legal provisions with which they could prosecute those responsible for circulating the bogus notices.

He said the ministry had detected

five cases in which the number of days in the notices issued in connection with the haze was changed to confuse the public.

"This shows the attitude of most social media users today. When they tamper with the notices, they do not realise its consequences to parents and schoolgoing children," he told reporters in the Parliament lobby.

He said the ministry would consult its legal advisers to ensure those responsible would be punished.

Pointing out that the ministry uploads its notices on its Facebook page, Mahdzir advised the public not to trust unreliable sources.

School sessions nationwide had carried on as usual yesterday as air


quality improved. Some states have lost up to nine schooling days due to the haze.

Only two areas in Johor recorded unhealthy Air Pollutant Index (API) readings as at 5pm yesterday. Larkin Lama and Pasir Gudang had API readings of 104 and 107 respectively.

An API reading of zero to 50 indicates good air quality; 51 to 100, moderate; 101 to 200, unhealthy; 201 to 300, very unhealthy; and 300 and above, hazardous.

The Malaysian Meteorological Department is expecting the haze to dissipate further with the onset of the north-east monsoon season or the wet Landas season from last Saturday.

The haze is being blown away from



Malaysia but could return if typhoons from the Philippines form again.

The latest NOAA-18 satellite images on Sunday, picked up 74 hotspots in Kalimantan, 15 in Sumatra and three in Peninsular Malaysia.